

24 JUL 2000

Telekom-Eco-Challenge

TELEKOM M'SIA SEDIA KEMUDAHAN TELEKOMUNIKASI PROJEK ECO-CHALLENGE 2000

KOTA KINABALU, 24 Julai (Bernama) -- Telekom Malaysia Berhad bersetuju menyediakan peralatan dan perkhidmatan telekomunikasi serta infrastruktur bagi menjayakan projek ekspedisi Sabah Eco-Challenge 2000 yang akan berlangsung dari 21 Ogos hingga 2 September ini.

Dalam perjanjian yang ditandatangani dengan Perbadanan Penggalakkan Pelancongan Sabah (STPC) hari ini, Telekom Malaysia akan menyediakan kemudahan seperti telefon, atur selular, atur yang menggunakan satelit, mesin faks dan kemudahan internet.

Pengurus Besar Telekom Malaysia Wilayah Sabah Ramsah Mohd Tahir berkata syarikat itu akan membekalkan 16 saluran telefon satelit bagi membolehkan peserta ekspedisi berhubung di kawasan yang terpencil.

"Atur Mobikom juga disediakan oleh anak syarikat Telekom iaitu Mobikom Sdn Bhd iaitu sebanyak 65 unit," katanya pada majlis menandatangani perjanjian di sini.

Kemudahan itu menyediakan kadar sewa percuma bernilai RM49,000 kepada para peserta disepanjang tempoh 58 hari kejohanan itu, katanya.

Selain itu, kakitangan Telekom juga akan bertugas mengikut syif pada hari itu, kata Ramsah.

Telekom Malaysia turut menyumbangkan RM1.2 juta bagi menjayakan projek Sabah Eco-Challenge, tambahnya.

Sementara itu, Pengerusi STPC Datuk Tengku Zainal Adlin berkata Malaysia khususnya Sabah akan menjadi tumpuan seluruh dunia apabila projek itu bermula bulan depan.

Malaysia akan menjadi negara pertama di benua Asia yang dipilih menjadi tuan rumah bagi acara tersebut, katanya.

Industri pelancongan merupakan satu aktiviti ekonomi dunia yang besar yang telah menjana kira-kira AS\$444 bilion pada tahun 1998, tambahnya.

Dalam majlis itu, Tengku Adlin mewakili STPC manakala Ramsah menandatangani perjanjian bagi pihak Telekom.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dijangka akan melancarkan acara itu sempena lawatannya ke Sabah pada 27 Julai ini.

-- BERNAMA

HAK LAT